

ABSTRAK

Peribahasa merupakan salah satu cabang kesusasteraan lisan bangsa Cina. Oleh sebab susunan bahasanya yang indah dan menarik serta membawa pengertian yang mendalam, penggunaan peribahasa sudah sehati dengan masyarakat Cina.

Terdapat pelbagai jenis peribahasa Cina seperti *Chengyu*, *suyu*, *yanyu*, *guanyongyu*, *xiehouyu*, dan *geyan*. Jenis-jenis peribahasa ini digolongkan dan disebut sebagai *shuyu*. Dalam kajian ini, pengkaji memuatkan asal usul, fungsi, dan penggolongan jenis peribahasa Cina sebagai langkah mendekati tajuk yang dikaji. Seterusnya, kajian ini lebih tertumpu kepada binaan peribahasa yang terdiri daripada 50 *chengyu* yang berkaitan fenomena alam sahaja sebagai konteks kajian. Pengkaji menganalisis cerminan unsur-unsur sosiobudaya Cina yang tersirat dalam *chengyu* tersebut dari pendekatan semiotik, iaitu cara mentafsir ‘tanda’ (*sign*) dan makna tersirat yang terkandung dalam *chengyu* itu melalui perbandingan dua tahap linguistik, yakni semantik dan pragmatik.

Hasil kajian mendapati bahawa *chengyu* begitu unik dan merangkumi sistem nilai yang menunjangi kehidupan masyarakat Cina terhadap alam sekitar mereka. Ia memaparkan pelbagai falsafah, pengajaran, dan gambaran ketinggian pemikiran bangsa Cina yang disampaikan secara halus dan berkesan, bahkan berfungsi mendidik dengan cara teguran, sindiran, pengajaran, dan teladan.

Kajian ini adalah penting kerana pengkaji berharap kajian ini sebagai usaha dalam mengekalkan khazanah budaya bangsa Cina. Kajian ini sekurang-kurangnya juga dapat memberi kefahaman yang mendalam dan gambaran sebenar kepada golongan pembaca tertentu terhadap penggunaan bahasa serta etos masyarakat Cina. Hasil daripada usaha itu nanti akan memberi peluang kepada generasi muda kini dan akan datang untuk turut menghayati dan menyanjung tinggi khazanah budaya bangsa Cina yang amat bernilai ini.